

Balut ganja mampat dalam bungkusuan menyerupai gula-gula

# Seludup dadah dalam lokap

Oleh SHARKAWI LONDING

**JOHOR BAHRU** – Satu sindiket pagedaran dadah dikenali Geng Halim dikesan menggunakan modus operandi ala Mexico untuk mengedar dadah kepada Orang Kena Tahan (OKT) di pusat tahanan.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, sindiket yang dipercayai aktif sejak awal tahun lalu itu menyeludup dadah dengan cara membungkus ganja mampat seperti gula-gula.

“Mengikut modus operandi, sindiket akan mengedarkan dadah itu semasa ahli keluarga datang berjumpa dengan tahanan.

“Tahanan itu kemudiannya akan menelan gula-gula dadah itu bagi mengelak diketahui pihak berkuasa.

“Mereka (OKT) kemudiannya akan mengeluarkan semula dadah itu dengan cara membuang air besar sebelum ia digunakan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Johor di sini semalam.

Menurut Ayob Khan, pihaknya yang melakukan risikan menahan 23 ahli-kumpulan tersebut dalam 22 serbuan di sekitar Johor Bahru, Iskandar Puteri, Pontian dan Kota Tinggi pada 11 Ogos lalu hingga kelmarin.

Mereka yang ditahan terdiri daripada 17 lelaki tempatan termasuk ketua sindiket yang dikenali Halim, empat wanita tempatan dan masing-masing seorang wanita warga Indonesia dan warga Vietnam.

Kesemuanya berusia 31 hingga 57 tahun.

Dalam serbuan itu, polis me-



**AYOB Khan (depan, tengah) menerangkan gula-gula berisi ganja mampat yang dipegang pegawai penyiasat pada sidang akhbar di IPK Johor, Johor Bahru semalam.**



**SEBAHAGIAN kenderaan yang disita susulan tangkapan ke atas Geng Halim di sekitar Johor baru-baru ini.**

rampas pelbagai jenis dadah termasuk 14.03 kilogram (kg) ganja, heroin (6.84kg), syabu (1.58kg),

ketamin (44.31 gram) dan 400 biji pil yaba dengan nilai keseluruhan RM170,052.

“Polis merampas sepucuk pistol jenis Revolver bersama sembilan butir peluru dan menyita pelbagai barangan kemas, 22 buah kenderaan serta wang tunai,” katanya.

Jelasnya, siasatan mendapati kumpulan itu mempunyai kaitan dengan sindiket pagedaran dadah di Indonesia dan memperoleh bekalan dari Kuala Lumpur.

Ujian air kencing mendapati 19 daripada suspek itu positif methamphetamine dan ketamin. Kesemua suspek ditahan reman bagi membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B, Seksyen 12(2) dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 serta Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.